

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM – DAP]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kos yang terlibat dalam pengendalian KBS Fit & Active #2 dan usaha Kementerian dalam menggalakkan orang ramai mengamalkan gaya hidup aktif selain daripada 'virtual workout' memandangkan situasi COVID-19 sudah bertambah baik di sesetengah kawasan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memperkenalkan program KBS Fit & Active dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan secara dalam talian. Ini untuk memastikan rakyat Malaysia kekal cergas dan sihat melalui aktiviti senaman yang boleh dilakukan oleh semua lapisan masyarakat walaupun berada di rumah.
2. Kementerian telah bekerjasama dengan Persatuan Senamrobik Malaysia dan pasukan jurulatih kecergasan di bawah kendalian penggerak kecergasan popular, Encik Kevin Zahri. Dengan peruntukan sebanyak RM35,000, program musim pertama telah berlangsung selama sebulan bermula Julai 2020 dengan penglibatan

seramai 405,619 penonton di platform media sosial Facebook dan Instagram.

3. Berikutan sambutan yang sangat menggalakkan, musim kedua telah diteruskan bermula Oktober hingga November 2020. Ini melibatkan lebih kurang 40 orang jurulatih kecergasan dalam jenis senaman masing-masing dengan peruntukan sebanyak RM40,000.
4. Selain daripada program dalam talian, Kementerian juga menggalakkan gaya hidup aktif dengan mempromosi aktiviti kecergasan secara sendiri di kediaman masing-masing. Rakaman program turut melibatkan pengurusan tertinggi KBS dan ikon-ikon sukan negara seperti Farah Ann Abdul Hadi, Hafizh Syahrin, Leong Mun Yee dan ramai lagi.
5. Seterusnya, KBS juga menyalurkan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan untuk meneruskan galakan gaya hidup aktif. Antara bulan Mac hingga Oktober 2020, hampir RM 3,500,000 (**tiga setengah juta ringgit**) telah disalurkan kepada persatuan dan kelab sukan ini. Jumlah ini tidak termasuk dengan inisiatif terbaru KBS iaitu bantuan Inisiatif Prihatin Sukan berjumlah RM 10,000,000 (**sepuluh juta ringgit**) yang boleh dimohon oleh persatuan dan kelab sukan.
6. Walaupun kes penularan COVID-19 semakin meningkat, aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang seperti e-sports, berjalan, jogging, berbasikal, senam robik sendiri, hiking, memancing dan lain-lain – walaupun dijalankan di kawasan yang sama namun terbuka – adalah tidak dilarang. Rakyat digesa agar kekal aktif dan memastikan tahap kesihatan dalam keadaan terbaik disamping mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi yang berkuatkuasa.
7. Berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) baru-baru ini, Kementerian telah menerima banyak aduan berikutan larangan tertentu melibatkan sektor sukan dan rekreasi. Ini termasuklah penganjuran acara sukan tempatan yang berprofil tinggi seperti liga bola sepak, perlumbaan bermotor dan sebagainya.

8. Demi melindungi industri sukan negara dan kesejahteraan rakyat, terutamanya ribuan peluang pekerjaan dalam sektor ini yang terancam jika operasi tidak Kembali normal, KBS sedang dalam penyediaan model gelembung sukan (*sports bubble*) bagi membolehkan risiko jangkitan dikawal dengan lebih sistematik.

9. KBS akan mendapatkan pandangan daripada para pemegang taruh termasuklah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Badan Induk Sukan dan pemain industri mengenai cadangan Tatacara Operasi Piawai (SOP) 'gelembung sukan' ini sebelum diangkat ke pertimbangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.